

PERANAN SENI LIPATAN DAN IKATAN DALAM PAKAIAN
LELAKI MELAYU DULU DAN CIRI-CIRINYA PADA MASA
KINI (LIPATAN - SEMUTAR, TENGGOLOK/TANJAK,
KOPIAH DAN SERBAN, IKATAN - SAMPIN).

NORMOLI AZANA BT. AHMAD AMIN

86845002

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis &
Senireka Institut Teknologi MARA sebagai memenuhi
sebahagian daripada keperluan Diploma Senilukis
dan Senireka.

Dekan

Kajian Senilukis dan Senireka
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
40450 Selangor Darul Ehsan.

Kandungan

Bil.	Muka surat
Pendahuluan	
Penghargaan	
Senarai ilustrasi	
<u>BAB 1</u>	
Pengenalan	19
<u>BAB 2</u>	
Definasi Seni	26
Peranan Seni	29
<u>BAB 3</u>	
Pengenalan	31
Apa itu seni lipatan	35
Asal Usul secara ringkas	37
Semutar	39
Jenis, warna dan corak	41
Kegunaanya	41
Jenis semutar	44
Kain destar, tanjak, tengkolok	45
Tengkolok Diraja	48

Pendahuluan

Kebudayaan Melayu sememangnya telah lama wujud sejak zaman pra-sejarah lagi. Seni yang dihasilkan di dalam sesuatu masyarakat itu mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri. Hasil seni itu dicipta untuk melahirkan perasaan keindahan yang tenteram di dalam jiwa penciptanya dan darinya juga akan dapat menenangkan fikiran.

Dalam awal bab, saya memasukkan ciri kebudayaan dalam pemerintahan Melayu khasnya dalam lingkungan Kesultanan Melayu melalui 1400-1511. Kerajaan ini melambangkan tunggak kedaulatan dan keunggulan nusa dan bangsa kerana darinya dikatakan bermulanya budaya Melayu yang telah sedia ada tetapi telah diperkembangkan lagi sehinggakan ia menjadi sesuatu yang bernilai hingga kini. Tinggalannya tidak boleh dirahsiakan kerana darinya telah membentuk kebudayaan masyarakat Melayu yang anggun lagi tinggi nilai estetikanya.

Bab dua pula saya sengaja memperkatakan tentang seni untuk memperkuat lagi bahawa apabila disebut tentang kebudayaan akan tergambarlah kepada kita bahawa seni dalam kebudayaan itulah yang menjadi penghidupnya. Sehasil seni itu akan bertambah hidup jika kita gabungkan

Penghargaan

Bersyukur saya kehadiran Allah S.W.T kerana diberi kesempatan untuk menyiapkan thesis ini walaupun masih terdapat beberapa kekurangan. Walau bagaimanapun saya sungguh berbesar hati dan mengucapkan ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada mereka yang terlibat turut sama menjayakan thesis ini. Semoga kerjasama dari pihak-pihak tersebut akan menambahkan lagi bahan dan hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

- Pn Maimah Wan Chik selaku penasihat saya yang banyak memberi nasihat dan tunjukajar.
- Pengarah Perpustakaan Tun Abdul Razak, Institut Teknologi Mara dan Kakitangannya.
- Pengarah Muzium Negara
- Pegawai Perhubungan Awam Infokraf
- Pegawai Perhubungan Awam Karyaneka
- Khas kepada ibubapa dan keluarga yang banyak memberi semangat.
- Rakan-rakan sepejuangan dan mereka-mereka yang terlibat secara langsung atau tidak yang banyak memberi galakkan dan semangat.

Terima kasih untuk semua.

Nor Moli Azana Ahmad Amin.

BAB 1. PENGENALAN

Institut Kesultanan Melayu yang telah wujud di negara ini sejak lebih 5 kurun yang silam merupakan teras sistem berkerajaan dan masih kukuh dipertahankan sebagai lambang tunggak kedaulatan dan keunggulan nusa dan bangsa. Perkembangan dan pergolakkan sejarah yang dirakam di negara ini boleh dikatakan sentiasa bergerak seiring atau dikaitkan dengan istana dan institusi kesultanan. Kesultanan Melayu juga boleh disifatkan sebagai nadi penggerak dalam pembentukan tamadun, kebudayaan, sikap, norma dan sistem nilai bangsa Melayu.

Sungguhpun terdapat perubahan yang ketara dalam sistem pemerintahan demokrasi yang dipraktikkan oleh kerajaan sekarang tetapi kedudukan dan fungsi raja-raja Melayu masih terus dikekalkan sebagai payung negara, sumber inspirasi kesetiaan dan perpaduan rakyat dan lambang kedaulatan negara.

Bukti-bukti sejarah yang digambarkan sistem berkerajaan dan tamadun hidup manusia di Tanah Melayu sebelum tahun 1400 tidak begitu jelas dan sukar untuk dijadikan landasan bagi menggariskan sistem pemerintahan kesultanan Melayu. Pengujudan kesultanan Melayu Melaka dalam tahun 1400